

Headline	Bayar dam, korban melalui Tabung Haji		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	60,000
Page No	16	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	214 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,177
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,531



Bayar dam, korban melalui Tabung Haji

MAKKAH - Jemaah haji Malaysia dinasihati supaya membuat bayaran dam dan ibadah korban menerusi Tabung Haji (TH) di Makkah bagi mengelakkan mereka diperdaya oleh pihak tertentu yang tidak dikenali.

Timbalan Ketua Rombongan Haji TH, Tengku Aziz Raja Abdullah berkata, terdapat pihak-pihak tertentu yang tidak dikenali di Tanah Suci sedang menawarkan perkhidmatan ibadah sampingan termasuk badal haji, pembayaran dam dan pembelian haiwan bagi ibadah korban.

"Mereka adalah orang yang tidak dikenali dan tidak dilantik oleh Tabung Haji dan orang ramai dinasihati agar tidak mudah percaya dengan pujuk rayu mereka," katanya kepada media di sini, semalam.

Tinjauan mendapati ramai anak-anak muda yang boleh berbahasa Melayu mendakwa mereka adalah pelajar di Tanah Suci dan bersedia meng-

ambil upah untuk badal haji, pembayaran dam dan mewakili jemaah untuk ibadah korban dengan harga yang lebih rendah berbanding TH.

"Jangan berikan sesuatu kepada orang yang tidak dikenali kerana tiada sebarang jaminan bahawa amanah ibadah mereka itu akan ditunaikan mengikut syariat," katanya.

Tengku Aziz berkata, walaupun bayaran yang ditawarkan adalah lebih rendah, kemungkinan mereka membeli binatang yang tidak cukup sifatnya ataupun tidak melakukannya.

Menurutnya, TH menyediakan perkhidmatan untuk semua ibadah sampingan itu di Tanah Suci termasuk membayar dam, badal haji dan ibadah korban.

"Bayaran itu boleh dibuat di mana-mana pejabat TH di seluruh negara atau



kaunter kewangan TH di Madinah dan Makkah," katanya.

Beliau berkata, menerusi pembayaran kepada TH, jemaah haji diberi jaminan bayaran dam dan ibadah korban mereka akan dilakukan dengan sempurna mengikut syariat.

"Kami bekerjasama dengan IDB (Bank Pembangunan Islam) untuk mengagihkan daging korban ke negara-negara miskin seperti Somalia dan negara-negara lain dengan memilih binatang korban yang sempurna sifatnya," katanya.

Beliau berkata, bayaran untuk pembelian seekor kambing korban di tanah haram ialah Riyal Saudi 490 dan ibadah korban yang dilakukan di Tanah Suci mempunyai kelebihan umpama melakukan korban 100,000 ekor di luar tanah haram. - Bernama